

**SOALAN NO: 287**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Tuan Sim Tong Him  
[ Kota Melaka ]**

**SOALAN : Tuan Sim Tong Him minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan:-**

- (a) bilangan nelayan berdaftar di Negeri Melaka, dan adakah hasil tangkapan mereka telah terjejas akibat dari projek tambak laut; dan
  
- (b) nyatakan jenis bantuan yang telah disalurkan kepada nelayan sejak projek tambak laut bermula, dan adakah Kementerian mempunyai program untuk menempatkan nelayan terlibat ke kawasan lain.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan nelayan berdaftar di Negeri Melaka adalah seramai 1,278 orang dengan semua nelayan beroperasi di Zon A dan mengusahakan peralatan tradisional. Daripada jumlah tersebut, seramai 171 orang nelayan terlibat dengan aktiviti tambakan laut. Berikutan aktiviti tersebut, pendapatan nelayan terlibat terjejas kerana kawasan penangkapan ikan menjadi terhad.
- b) Bagi meringankan beban nelayan-nelayan yang terlibat, pihak syarikat yang membangunkan kawasan tersebut telah membayar saguhati berjumlah RM1,113,600 kepada 410 orang nelayan. Sehingga kini nelayan-nelayan tersebut masih menjalankan aktiviti penangkapan ikan seperti biasa dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mempunyai perancangan untuk menempatkan nelayan-nelayan tersebut ke kawasan lain.